

MAHATHIR - CHATICHAI R'R'R'
DARIPADA KUAH GUAN OO

PATTAYA, 25 MAC (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN THAILAND BERJAYA MENGATASI PERBEZAAN YANG WUJUD DAN TELAH MENCAPI PERSETUJUAN BERSABIT SKIM PERKONGSIAN KEUNTUNGAN DALAM USAHA MENCARIGALI SUMBER GALIAN DI KAWASAN PERAIRAN BERTINDIH DEKAT KELANTAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI.

+PADA KESELURUHANNYA, KITA TELAH MENGADAKAN PERBINCANGAN YANG AMAT BERMAKNA DAN KITA GEMBIRA BAHAWA SATU PERSEFAHAMAN TELAH DICAPAI MENGENAI BEBERAPA ISU (ANTARA KEDUA-DUA NEGARA),+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR BERSAMA DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI THAILAND, JEN CHATICHAI CHOONHAVAN DI AKHIR LAWATAN DUA HARINYA DI PUSAT PERANGINAN PANTAI INI.

KATANYA, WALAUPUN MEREKA TIDAK DAPAT MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN MENGENAI LEMBAGA PEMBANGUNAN BERSAMA MALAYSIA-THAILAND (JDA), BADAN YANG DICADANG MENGAWASI USAHA KERJASAMA CARIGALI SUMBER-SUMBER GALIAN DI KAWASAN PERAIRAN BERSAMA, MEREKA TELAH BERJAYA MENYELESAIKAN PERBEZAAN YANG WUJUD.

+KITA AKAN MENANDATANGANI MEMORANDUM ITU PADA SATU TARIKH KEMUDIAN UNTUK MEMBOLEHKAN KITA MEMBENTANGKANNYA DI PARLIMEN PADA BULAN JUN INI,+ KATANYA.

ASAS BAGI PENUBUHAN JDA TERKANDUNG DALAM MEMORANDUM YANG DITANDATANGANI PADA 1979 OLEH PERDANA MENTERI KETIKA ITU, TUN HUSSEIN ONN DAN JEN KRIANGSAK CHOMANAN. LEMBAGA PEMBANGUNAN BERSAMA ITU IALAH BAGI MENGAWASI USAHA KERJASAMA MENCARIGALI SUMBER-SUMBER GAS DAN PETROLEUM DI KAWASAN PERAIRAN SELUAS 7,3000 KM PERSEGI DI TELUK SIAM. -- LAGI.

1919MST 25 03 90

D817

U B938 AAB
MAHATHIR - CHATICHAI 2 PATTAYA R'R'R'

PARA PEGAWAI KANAN KEDUA-DUA NEGARA BERBINCANG SEHINGGA AWAL PAGI INI BAGI MENYELESAIKAN PERBEZAAN-PERBEZAAN MENGENAI ANTARA LAIN, MASALAH KEDAULATAN DAN BIDANGKUASA SIVIL.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERSETUJUAN YANG DICAPAI MENGENAI JDA TIDAK TERMASUK SUMBER-SUMBER KEHIDUPAN LAUT. +KAMI AKAN MENELITINYA PADA SATU TARIKH KEMUDIAN,+ TAMBAHNYA.

BERHUBUNG CADANGAN THAILAND MENGENAI KEM-KEM BERKECUALI DI KEMBOJA SEBAGAI SATU LANGKAH MENYELESAIKAN PERTIKAIAN YANG BERLARUTAN DI NEGARA ITU (KEMBOJA), BELIAU BERKATA: +KAMI AKAN MENGAKAJINYA KERANA IA ADALAH SESUATU YANG BARU. KAMI AKAN MENYOKONGNYA JIKA IA SESUAI.+

KEM-KEM BERKECUALI ITU, YANG DICADANGKAN OLEH JEN CHATICHAI, ADALAH UNTUK MENEMPATKAN PUAH-PUAK DI KEMBOJA YANG MENENTANG REJIM PHNOM PENH DALAM SEBUAH KEM SERUPA DENGAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU, YANG DIBUKA DI MALAYSIA BAGI MENYEKAT PEMBERONTAKAN KOMUNIS.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MUNGKIN TERDAPAT +TENTANGAN-TENTANGAN OLEH SESETENGAH PIHAK ATAU NEGARA+ SEPERTI KEMBOJA. +SUDAH PASTI ORANG LAIN JUGA MESTI MENYOKONGNYA.+ -- LAGI.
1925MST 25 03 90

D826

U B942 AAB
MAHATHIR - CHATICHAJ 3 PATTAYA R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MENYATAKAN SATU PERSATU BEBERAPA ISU YANG DISELESAIKAN DALAM MESYUARATNYA DENGAN JEN CHATICHAJ BERKATA, HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA SEMEMANGNYA SELAMA INI AMAT BAIK DAN MENAMBAH KATA: +IA AKAN BERTAMBAH BAIK SELEPAS LAWATANNYA ITU.+

ANTARA ISU-ISU YANG TELAH DAPAT DISELESAIKAN IALAH:

+ THAILAND BERSETUJU MEMBERIKAN HAK YANG SAMA BAGI BARANGAN MALAYSIA KE LAOS SEBAIK SAHAJA KERAJAAN THAILAND SIAP MEMBINA JAMBATAN DARAT KE NEGARA BERKENAAN=

+ MENYELESAIKAN GANGGUAN SIARAN TELEVISYEN DI KAWASAN SEMPADAN DENGAN MEMBUAT BEBERAPA PERUBAHAN TEKNIKAL DENGAN BANTUAN THAILAND=

+ KERJASAMA DALAM BIDANG PELANCONGAN DENGAN MENYEGERAKAN PERLAKSANAAN TERHADAP CADANGAN MALAYSIA UNTUK MENGADAKAN +ORIENT EXPRESS+ DARI SINGAPURA MELALUI MALAYSIA KE BANGKOK DAN CHIENGMAI=

+ THAILAND MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA PERJALANAN SIANG HARI OLEH PARA PELANCONG DI PULAU LANGKAWI YANG HENDAK PERGI KE PULAU-PULAU ADANG DAN TARUTAO MILIK THAILAND YANG TERLETAK KE UTARA LANGKAWI. -- LAGI.

1942MST 25 03 90

U B948 AAB
MAHATHIR - CHATICHAJ 4 PATTAYA R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA JAWATANKUASA SEMPADAN AM (GBC) YANG DIWUJUDKAN PADA 1965 UNTUK MENGAWASI SOAL KESELAMATAN DI KAWASAN SEMPADAN DARAT DAN LAUT MALAYSIA-THAILAND AKAN DIKEKALKAN.

MALAYSIA JUGA BERSETUJU UNTUK MEMBEKALKAN THAILAND SEBANYAK 120,000 TAN METRIK SIMEN SETAHUN MANAKALA USAHA SEDANG DIAMBIL UNTUK MENINGKATKAN PENGELUARAN SIMEN MALAYSIA.

THAILAND JUGA AKAN MENGIMPORT 5,000 TAN METRIK MINYAK SAWIT BERHIDROGEN DARI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA JUGA AKAN MENGHANTAR PARA PEGAWAINYA KE THAILAND UNTUK BERBINCANG MENGENAI KERJASAMA DALAM INDUSTRI AUTOMOBIL.

+KITA TELAH BERUNDING DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH MENGENAI PERKARA INI DAN DARI SEKARANG, KITA BOLEH MENYEGERAKAN BEBERAPA PROJEK YANG DIRANCANGKAN,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

AWAL PAGI INI PERDANA MENTERI MELAWAT KOMPLEKS PELABUHAN GERGASI LAEM PRABANG, KIRA-KIRA 140 KM KE SELATAN BANGKOK. PELABUHAN ITU MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PROGRAM PEMBANGUNAN KAWASAN PANTAI TIMUR THAILAND YANG TERMASUK MENJADIKAN LAPANGAN TERBANG U-TAPAO SEBUAH LAPANGAN TERBANG KOMERSIL. -- LAGI.

1956MST 25 03 90

U B951 AAB
MAHATHIR - CHATICHAI 5 PATTAYA R'R'R'

PERDANA MENTERI DIIRINGI OLEH JEN CHATICHAI SEJAK MULA LAWATAN ITU. BELIAU DAN ROMBONGAN PERWAKILAN PERINGKAT TERTINGGI SERAMAI 25 ORANG KEMUDIAN MELAWAT KOMPLEKS PETROKIMIA DI MAP TA PHUT, TERLETAK DI SELATAN PATTAYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PEMBERITA BAHAWA THAILAND AMAT MAJU DAN LEBIH KEHADAPAN DARI MALAYSIA DENGAN PEMBANGUNAN DI BAHAGIAN PANTAI TIMURNYA DAN PEMBANGUNAN YANG TERANCANG DI BAHAGIAN PANTAI SELATANNYA.

+KAMI PERLU MEMPELAJARI BANYAK PERKARA,+ KATANYA, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA LAWATANNYA KE PUSAT PERANGINAN ITU TELAH MEMBERI BELIAU BANYAK IDEA BAGI MENINGKATKAN PELANCONGAN DI MALAYSIA.

BELIAU MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN JEN CHATICHAI PADA HARI SABTU, SELEPAS MELAWAT BANDAR PATTAYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU MENJANGKA MALAYSIA AKAN MENGADAKAN PROMOSI PELANCONGAN BERSAMA DENGAN THAILAND. +MALAHAN KAMI TELAH PUN MEMULAKANNYA MELALUI PERKHIDMATAN KERETAPI +ORIENT EXPRESS+, KATANYA. -- LAGI.
2005MST 25 03 90

0837

U B952 AAB
MAHATHIR - CHATICHAI 6 PATTAYA

KATANYA, BELIAU JUGA MEMIKIRKAN UNTUK MENAMBAH PERKHIDMATAN PENERBANGAN DARI PHUKET KE LANGKAWI DAN PULAU PINANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN BERLEPAS PULANG DARI LAPANGAN TERBANG U-TAPAO. YANG TURUT BERADA DI LAPANGAN TERBANG ITU UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN IALAH JEN CHATICHAI DAN MENTERI LUAR THAILAND, KETUA MARSYAL UDARA SIDDHI SAVETSILA.

INI MERUPAKAN LAWATAN PERTAMA DATUK SERI DR MAHATHIR KE THAILAND UNTUK MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN JEN CHATICHAI SEJAK PEMIMPIN THAILAND ITU BERKUASA LEBIH SETAHUN LEPAS. -- BERNAMA.
2006MST 25 03 90